

# Daftar 15 syarikat untuk cadangan IPO

**Kuala Lumpur:** Agensi Inovasi Malaysia (AIM) menyasarkan pendaftaran 10 hingga 15 syarikat peringkat pertengahan dan perusahaan kecil sederhana (PKS) menerusi Program Penilaian Persediaan Tawaran Awam Permulaan (IPO) sepanjang 2016.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mark Rozario berkata, kebanyakan syarikat banyak menumpukan masa dan usaha berbanding meneliti program IPO.

“Kebanyakan syarikat mempunyai matlamat untuk menjadi syarikat awam tersenarai tanpa mengetahui mekanisme dan kaedah betul. Malah, ada berpendapat pemilihan IPO adalah risiko besar bagi pemain industri.

“Jadi, program diterajui Steinbeis Foundation Malaysia dengan sokongan Ferrier Hodgson Consultancy Advisory (FHCA), M & A Securities Sdn Bhd, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Uni-



**ROZARIO**

versiti USCI dilaksanakan untuk membimbing syarikat berpotensi untuk memasuki senarai pasaran dengan kaedah lebih teratur dan terancang,” katanya pada majlis sidang media Program Penilaian Persediaan IPO, di sini, semalam.

Program itu menyiapkan syarikat untuk dinilai dan dikaji semula daripada aspek kumpulan, matlamat kewangan, tadbir urus korporat dan pematuhan serta pemilihan pasaran IPO sebelum layak memasuki proses penyenaraian IPO.